

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' MOHD FASIAH B. MOHD FAKEH
(SABAK BERNAM)
TARIKH : 24 OKTOBER 2019

SOALAN

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes “scammer” termasuklah Macau Scammer, Love Scammer dan tawaran pinjaman yang tidak wujud di negara ini bagi tempoh 2018 dan 2019 terkini dan nyatakan jumlah kerugian akibat aktiviti penipuan “scammer” ini serta nyatakan langkah Kerajaan bagi membanteras kegiatan penipuan “scammer” ini daripada berterusan dan merugikan rakyat negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh 2018 hingga 31 Ogos 2019, sebanyak 8,489 kes *scammer* telah dilaporkan dengan nilai kerugian yang direkodkan sebanyak RM 410.68 juta.

Manakala bagi kes melibatkan pinjaman tidak wujud pula bagi tempoh yang sama, sebanyak 7,833 kes telah dilaporkan yang melibatkan kerugian berjumlah RM 71.74 juta.

Menyedari tentang kes *scammer* yang semakin berleluasa, Kerajaan telah berusaha menangani isu ini dengan mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i) melancarkan portal semakan *mule account* secara atas talian melalui laman web rasmi PDRM.
- ii) PDRM juga telah mewujudkan akaun facebook "*Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police*" untuk berkongsi maklumat berkenaan modus operandi kes-kes jenayah siber atau komersil dan seterusnya memberi peringatan kepada masyarakat berkenaan perkara ini;
- iii) mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA);

SOALAN: 11

- iv) menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada agensi penguatkuasa tempatan dan luar negara, pakar industri serta penyedia perkhidmatan dalam usaha mengekang aktiviti jenayah atas talian yang turut dimasukkan sebagai salah satu komponen jenayah rentas sempadan di peringkat kerjasama ASEAN;
- v) mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik-pemilik akaun bank rakyat tempatan (*mule Account*) yang telah memberi pinjam akaun bank mereka kepada penjenayah selain mewujudkan kerjasama dengan institusi kewangan dan Bank Negara untuk mengesan dan membuat tangkapan terhadap pemilik keldai akaun berkenaan;
- vi) mewujudkan kerjasama bersepadu di antara penyedia perkhidmatan komunikasi dan internet di Malaysia untuk mengesan laman sesawang atau nombor telefon yang digunakan oleh sindiket; dan
- vii) menjalankan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat supaya mereka tidak menjadi mangsa jenayah penipuan.